



Ruj : KKM.500/3/4/9 Jld.12 (6)
Tarikh : 4 Mac 2022

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

HEBAHAN PELAWAAN PROGRAM PENAJAAN KUMPULAN PELAKSANA (PPKP) TAHUN 2022 BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN SECARA SEPENUH MASA

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

- Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mempelawa Pegawai Kumpulan Pelaksana dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan yang sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memohon kemudahan **Program Penajaan Kumpulan Pelaksana (PPKP) di peringkat Ijazah Pertama, Diploma, Diploma Kemahiran Malaysia atau Sijil Kemahiran Malaysia** bagi pengajian secara sepenuh masa.
- Pegawai Kumpulan Pelaksana yang berminat dan berkelayakan perlu melengkapkan borang permohonan secara dalam talian di portal <http://esilav2.jpa.gov.my> bermula daripada 18 Februari 2022 sehingga 31 Oktober 2022. Maklumat lanjut berhubung permohonan ini adalah seperti di Lampiran A.
- Borang permohonan yang lengkap beserta dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan hendaklah disahkan, dihantar dan diterima oleh Bahagian Pengurusan Latihan, KKM **selewat-lewatnya SEBULAN sebelum tarikh memulakan pengajian sebelum dipanjangkan ke JPA** ke alamat di bawah:

Unit Program Kepakaran 1
Cawangan Operasi Latihan
Bahagian Pengurusan Latihan, KKM
Aras 6, Menara Prisma, No 26, Persiaran Perdana, Presint 3
62675, Putrajaya
(u/p: Urus setia PPKP)



Dokumen yang tidak lengkap serta tidak memenuhi syarat/ kelayakan yang telah ditetapkan **tidak akan dipertimbangkan.**

5. Calon dinasihatkan untuk memahami dan mengikuti tatacara permohonan bagi mengelakkan permohonan tersebut ditolak. **Ketua Jabatan adalah dicadangkan supaya hanya menyokong dan mempertimbangkan calon- calon yang layak, sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Pegawai Kumpulan Pelaksana yang dicalonkan juga hendaklah mengikuti pengajian di peringkat yang lebih tinggi daripada kelayakan akademik sedia ada yang telah dimiliki.**

6. Kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk memaklumkan pelawaan kemudahan PKPP ini kepada semua Pegawai Kumpulan Pelaksana yang berminat dan berkelayakan di Jabatan YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(AZLAN BIN AHMAD)

Bahagian Pengurusan Latihan

b.p Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian
Program Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
Program Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan
Program Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Kejururawatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN

Semua Pengarah Bahagian
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Setiausaha Bahagian
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Pengarah Hospital
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Pengarah Institut
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Pengarah
Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

PELAWAAN PROGRAM PENAJAAN KUMPULAN PELAKSANA (PPKP) TAHUN 2022 BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN SECARA SEPENUH MASA

Program Penajaan Kumpulan Pelaksana (PPKP) adalah merupakan program penajaan pengajian bagi **Pegawai Kumpulan Pelaksana (PKP)** dalam **Perkhidmatan Awam Persekutuan** untuk mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Pertama, Diploma, Diploma Kemahiran Malaysia atau Sijil Kemahiran Malaysia secara sepenuh masa atau separuh masa.

Justeru, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ingin mempelawa PKP dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berminat dan berkecenderungan untuk memohon **PPKP bagi pengajian secara SEPENUH MASA** melalui pautan <http://esilav2.jpa.gov.my> bermula daripada **18 Februari 2022 sehingga 31 Oktober 2022**. Maklumat lanjut berhubung permohonan ini adalah seperti di **Lampiran A**.

Borang permohonan yang lengkap beserta dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan hendaklah dikemukakan dan diterima oleh pihak JPA **selewat-lewatnya 1 bulan sebelum tarikh memulakan pengajian** sama ada melalui serahan tangan / pos ke alamat berikut:

Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 3, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p: Unit Pembangunan Latihan Dalam Perkhidmatan)

Walaupun bagaimanapun, permohonan **PPKP bagi pengajian secara SEPARUH MASA** masih belum dibuka pada masa ini dan maklumat terperinci mengenainya akan dibuat hebahan secara berasingan kelak.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut berhubung PPKP ini, pihak penyelaras yang boleh hubungi adalah seperti berikut:

- (i) Penyelaras : Unit Pembangunan Latihan Dalam Perkhidmatan
Program : PPKP (sempurna masa)
Telefon : 03-8885 3468/ 3518/ 3359
E-mel : sp.bmi@jpa.gov.my

- (ii) Penyelaras : Unit Pengurusan Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan
Program : PPKP (separuh masa)
Telefon : 03-8885 3053
E-mel : penawaranldp@jpa.gov.my

**Bahagian Pembangunan Modal Insan
Jabatan Perkhidmatan Awam**

18 Februari 2022

LAMPIRAN A

PPKP (SEPENUH MASA)

**MAKLUMAT BERHUBUNG PROGRAM PENAJAAN KUMPULAN PELAKSANA
BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN DI PERINGKAT SIJIL ATAU DIPLOMA
KEMAHIRAN MALAYSIA, DIPLOMA ATAU IJAZAH PERTAMA
SECARA SEPENUH MASA TAHUN 2022**

1. PERINGKAT DAN BIDANG PENGAJIAN

- (i) Peringkat pengajian yang ditaja untuk pengajian secara sepenuh masa adalah Sijil atau Diploma Kemahiran Malaysia, Diploma atau Ijazah Pertama.
- (ii) Bidang pengajian yang terlibat adalah :
 - a) Bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (6 hingga 24 bulan) dan Diploma Kemahiran Malaysia (24 hingga 36 bulan) yang ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) seperti **LAMPIRAN 1**. Walau bagaimanapun, bidang-bidang ini adalah tertakluk kepada penawaran semasa oleh Pusat Bertauliah Awam (PBA) tersebut; dan
 - b) Bidang keperluan guna tenaga perkhidmatan awam bagi kemasukan peringkat Diploma (36 bulan) dan Ijazah Pertama (36 hingga 48 bulan) seperti **LAMPIRAN 2** kecuali bidang Perubatan, Pergigian, Farmasi, Veterinar dan Undang-Undang. Namun, bidang pendidikan hanya terhad kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan sahaja.

2. SYARAT-SYARAT UMUM

- (i) Had umur **tidak melebihi 45 tahun pada 1 Januari 2022**;
- (ii) Pegawai Kumpulan Pelaksana (PKP) dalam **Perkhidmatan Awam Persekutuan** yang sedang berkhidmat dalam **perkhidmatan tetap**;
- (iii) Telah **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini**;

LAMPIRAN A - PPKP (Sepenuh Masa)

- (iv) Mencapai markah minimum LNPT **85% bagi tempoh tiga tahun terakhir berturut-turut** (2019, 2020 & 2021) dalam **skim perkhidmatan terkini**. Penilaian setahun LNPT hendaklah **genap 12 bulan**;
- (v) Telah **menerima tawaran melanjutkan pengajian** pada tahun 2022 secara sepenuh masa dan **belum memulakan pengajian** di pusat-pusat bertauliah awam yang ditauliahkan oleh JPK atau politeknik/ universiti awam yang dipersetujui JPA;
- (vi) Pegawai yang memohon kemudahan ini hendaklah **mengikuti kursus pada peringkat yang lebih tinggi** daripada kelayakan akademik yang telah dimiliki;
- (vii) Mematuhi syarat genap **tempoh tamat mengikuti kursus** jangka panjang/ sederhana/ pendek di bawah kemudahan cuti belajar sedia ada seperti berikut:

Tempoh Kursus	Tempoh Menunggu (Dikira sehingga 1 Januari 2022)
Lebih 12 bulan	2 tahun
Lebih dari 3 bulan, kurang dari 12 bulan	1 tahun

- (viii) Permohonan diperakui oleh **Ketua Jabatan dan/ atau Ketua Perkhidmatan** melalui Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM);
- (ix) **Bebas** dari sebarang pertuduhan/ tindakan tatatertib/ dakwaan mahkamah;
- (x) **Bukan peminjam tegar** pinjaman pelajaran atau bukan dalam **senarai hitam** Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau badan penaja lain;
- (xi) Telah mengisytiharkan **harta dalam tempoh lima (5) tahun terkini**;

- (xii) Calon perlu bebas dari sebarang penyakit kronik seperti **LAMPIRAN 3**;
- (xiii) Calon tidak mendapat penajaan/ biasiswa/ pinjaman dari badan-badan lain bagi kursus yang dimohon.

3. SYARAT-SYARAT KHUSUS

SIJIL/ DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA

- (i) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya **lima (5) tahun pada 1 Januari 2022**;
- (ii) Memiliki kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (**SPM**) atau Sijil Vokasional Malaysia (**SVM**);
- (iii) Pegawai mengikuti kursus/ latihan kemahiran dalam tempoh :
 - a) Sijil Kemahiran Malaysia : 6 hingga 24 bulan
 - b) Diploma Kemahiran Malaysia : 24 hingga 36 bulan
- (iv) Kursus **ditauliah** oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM);
- (v) Memiliki kelulusan di peringkat sijil dalam **bidang yang sama** dengan kursus yang dimohon (mengikut Daftar Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)) - bagi permohonan Diploma Kemahiran Malaysia sahaja; dan
- (vi) Telah **menerima tawaran** melanjutkan pengajian pada tahun 2022 secara sepenuh masa dan **belum memulakan pengajian** di pusat-pusat bertauliah awam yang ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) seperti **LAMPIRAN 1**.

DIPLOMA

- (i) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** pada 1 Januari 2022;
- (ii) Memperoleh pencapaian akademik sekurang-kurangnya **lima (5) kepujian** di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) termasuk kepujian subjek Bahasa Melayu dan lulus Sejarah;
- (iii) Telah **menerima tawaran** melanjutkan pengajian dalam bidang yang ditetapkan seperti di **LAMPIRAN 2** pada tahun 2022 secara sepenuh masa dan **belum memulakan pengajian** di politeknik/ politeknik premier/ universiti awam yang dipersetujui JPA seperti **LAMPIRAN 4**; dan
- (iv) Kursus yang diikuti hendaklah **mendapat akreditasi penuh oleh MQA**.

IJAZAH PERTAMA

- (i) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya **10 tahun pada 1 Januari 2022**;
- (ii) Memperoleh pencapaian akademik sekurang-kurangnya **lima kepujian** di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) termasuk kepujian subjek Bahasa Melayu dan lulus Sejarah atau kelayakan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) yang telah disetarakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) kepada SPM;
- (iii) Memiliki kelulusan sama ada Diploma/ Diploma TVET/ Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/ Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)/ A-Level;
- (iv) Memperoleh skor bagi keputusan *Malaysian University English Test* (MUET) **sekurang-kurangnya Band 3**;
- (v) Telah **menerima tawaran** melanjutkan pengajian dalam bidang yang

ditetapkan seperti di **LAMPIRAN 2** pada tahun 2022 secara sepenuh masa dan **belum memulakan pengajian** di politeknik/ politeknik premier/ universiti awam yang dipersetujui JPA seperti **LAMPIRAN 4**; dan

- (vi) Kursus yang diikuti hendaklah **mendapat akreditasi penuh oleh MQA**.

4. TATACARA PERMOHONAN

- (i) Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan adalah dinasihatkan supaya membuat **semakan yang teliti** dan **memberi sepenuh perhatian** kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan melalui Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)¹ masing-masing untuk memperakukan pegawai kumpulan pelaksana yang **bersesuaian dan berkelayakan** berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan sahaja.
- (ii) Permohonan dengan dokumen yang tidak lengkap dan tidak dikemukakan melalui PPSM masing-masing serta tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan secara automatik **TIDAK AKAN DIPROSES UNTUK TUJUAN PERTIMBANGAN**.

A. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI

- (i) Pegawai Kumpulan Pelaksana yang berminat dikehendaki **membaca dan memahami** syarat-syarat permohonan sebelum membuat permohonan.
- (ii) Permohonan boleh dibuat dengan melengkapkan borang permohonan secara atas talian **mulai 18 Februari 2022** melalui pautan <http://esilav2.jpa.gov.my>.

¹ PPSM yang dimaksudkan adalah PPSM yang dipengerusikan oleh Ketua Perkhidmatan masing-masing tanpa mengira Kementerian/Jabatan/Agensi penempatan pegawai kecuali bagi pegawai perkhidmatan gunasama yang mana PPSM yang dimaksudkan adalah PPSM yang dipengerusikan oleh pegawai pengawal Kementerian masing-masing sahaja walaupun pegawai ditempatkan di Jabatan/Agensi di bawah Kementerian berkaitan.

- (iii) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah **dimuat turun, dicetak dan ditandatangani oleh pegawai kumpulan pelaksana**. Terdapat ruangan perakuan Ketua Jabatan selepas ruangan tandatangan pegawai yang mana memerlukan **maklumat perkhidmatan pegawai dilengkapkan, disahkan dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan²** masing-masing. Semakan ke atas buku perkhidmatan atau/dan rekod HRMIS pegawai perlu dibuat untuk memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat perkhidmatan pegawai.

Nota : Tanggungjawab pegawai kumpulan pelaksana untuk menyemak dan memastikan segala maklumat di ruangan perakuan Ketua Jabatan tersebut **dilengkapkan sepenuhnya tanpa ada sebarang kecaciran** sebelum borang permohonan lengkap tersebut dikemukakan kepada urusetia Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) masing-masing.

B. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN DAN KETUA PERKHIDMATAN

- (i) Semua permohonan hendaklah **dipertimbang dan diperakukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)**. Hanya pencalonan yang **disokong dan diperakukan oleh PPSM sahaja** perlu dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan Modal Insan (BMI), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk saringan dan pemilihan lanjut.
- (ii) Dalam memperakukan calon, PPSM perlu membuat perancangan yang teliti kerana calon yang diperakukan dan berjaya ditawarkan masih menyandang **jawatan yang sama** di kementerian/ jabatan/ agensi asal walaupun berlaku kekosongan operasi. Bagi

² Ketua Jabatan yang dimaksudkan adalah sekurang-kurangnya pegawai di peringkat mengetuai sesuatu bahagian di mana pegawai ditempatkan atau bahagian pengurusan sumber manusia di Kementerian/Jabatan/Agensi seperti Pengarah / Setiausaha Bahagian dsb.

LAMPIRAN A - PPKP (Sepenuh Masa)

membolehkan fungsi jawatan dilaksanakan di sepanjang tempoh kekosongan operasi tersebut, pihak Kementerian/ Jabatan/ Agensi boleh **memohon perubahan sementara** jawatan kepada jawatan tambah sentara. Pelaksanaan tanggung kerja ke atas jawatan ini juga boleh dilaksanakan berdasarkan keperluan.

(iii) Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab urusetia PPSM untuk mengambil tindakan-tindakan berikut:

(a) Melengkapkan **Borang Laporan Panel Pembangunan Sumber Manusia** Kementerian/ Jabatan Untuk Kursus Dalam Perkhidmatan - JPA(L) LDP 1A/96;

(b) Memastikan **maklumat perkhidmatan** yang telah dilengkapkan di ruangan perakuan Ketua Jabatan di dalam borang permohonan **adalah tepat dan benar** serta **telah ditandatangani oleh Ketua Jabatan** masing-masing. Semakan ke atas buku perkhidmatan atau/dan rekod HRMIS pegawai perlu dibuat untuk memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat perkhidmatan pegawai.

(c) Pencalonan yang dikemukakan kepada BMI, JPA hendaklah disertakan bersama-sama dengan dokumen-dokumen berikut:

- 1) Dokumen seperti di **LAMPIRAN 5**; dan
- 2) Dokumen seperti di perkara **4(A)(iii)** dan **4(B)(iii)(a)**.

Nota: Dokumen-dokumen seperti di atas **HENDAKLAH** disediakan dalam **DUA (2) SET DOKUMEN**.

(iv) Pencalonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Jabatan ini selewat-lewatnya **SATU (1) BULAN SEBELUM** pendaftaran pengajian pegawai melalui alamat berikut:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 3, Blok C2, Kompleks C
62510 PUTRAJAYA

(u.p.: Unit Pembangunan Latihan Dalam Perkhidmatan (SP))

- (v) Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan ke 03-8885 3468/ 3518/ 3359 atau emel sp.bmi@jpa.gov.my.

5. KEMUDAHAN

Calon yang berjaya terpilih di bawah PPKP sepenuh masa akan ditawarkan kemudahan **Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa (CBBPDB)** bagi mengikuti pengajian dengan penajaan biasiswa daripada Kerajaan yang merangkumi bayaran yuran pengajian dan elaun-elaun yang berkecukupan di sepanjang tempoh pengajian.

6. IKATAN PERJANJIAN DENGAN KERAJAAN

Calon yang berjaya dikehendaki menandatangani perjanjian dengan Kerajaan dan tertakluk dengan tempoh ikatan kontrak yang dikenakan untuk berkhidmat dengan Kerajaan.

JPA

LAMPIRAN 1

**SENARAI PUSAT BERTAULIAH DAN BIDANG PENGAJIAN
SESI 2022**

(SIJIL DAN DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA)

BIL. PB	PUSAT BERTAULIAH (PB)	KOD PB	BIL. PROGRAM	NAMA PROGRAM	KOD PROGRAM	TAHAP
1	INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN PASIR GUDANG	K01003	1	Pembangunan Produk Industri	MC-040-3:2013	3
			2	Operasi Fabrikasi Struktur Logam (Minyak, Gas & Petrokimia)	OG-011-3:2011	3
2	INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN KUALA TERENGGANU	K01004	1	Pemasangan & Penyelenggaraan Elektrik Voltan Rendah	EE-320-4:2012	4
3	INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN KOTA BHARU	K01008	1	Pengurus Binaan Awam Dan Struktur	CVS4	4
4	INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN JITRA	K01009	1	Proses Kimpalan Arka Kepingan Logam	MC-024-3:2012	3
			2	Operasi Penyelenggaraan Industri	ME-010-3:2012	3

BIL. PB	PUSAT BERTAULIAH (PB)	KOD PB	BIL. PROGRAM	NAMA PROGRAM	KOD PROGRAM	TAHAP
5	INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN IPOH	K01010	1	Pengeluaran Kraf Seramik	SS-023-3:2013	3
6	INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN KOTA KINABALU	K01012	1	Operasi Penyelenggaraan Industri	ME-010-3:2012	3
7	INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN KANGAR	K01014	1	Operasi Penyelenggaraan Industri	ME-010-3:2012	3
8	INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN PEDAS	K01015	1	Lukisan Pelan Seni Bina	BC-050-3:2013	3
			2	Pelukisan Pelan Mekanikal	MC-080-3:2013	3
			3	Proses Kimpalan Arka Kepingan Logam	MC-024-3:2012	3
9	INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN KEPALA BATAS	K01017	1	Pengurusan Rekabentuk, Pemasangan & Penyelenggaraan HVAC	ME-020-4:2012	4
10	INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN SELANDAR	K01019	1	Piping Drafting (Oil & Gas)	OG-022-3:2013	3
			2	Operasi Sistem Komputer	IT-020-3:2013	3
			3	Pembangunan Modul Sistem	IT-010-4:2013	4
			4	Pentadbiran Sistem Komputer	IT-020-4:2013	4
			5	Pembangunan Aplikasi - Pengaturcara Utama	IT-010-3	3

BIL. PB	PUSAT BERTAULIAH (PB)	KOD PB	BIL. PROGRAM	NAMA PROGRAM	KOD PROGRAM	TAHAP
11	PUSAT LATIHAN TEKNOLOGI TINGGI (ADTEC) KULIM	K01101	1	Teknologi Pembuatan Logam Penekanan Dai	MC-031-4:2013	4
			2	Pembuatan Acuan Suntukan Plastik	MC-030-4:2014	4
			3	Operasi Pemesinan	MC-050-2:2012	2
			4	Koordinasi Pembuatan (CAD/CAM)	MC-050-4:2012	4
			5	Pembangunan Produk Elektronik	EE-021-4:2012	4
			6	Pengurusan Infrastruktur Penghantaran	EE-321-4:2012	4
			7	Sokongan Sistem Kejuruteraan Automasi Industri	MC-091-4:2016	4
			8	Pemasangan & Troubleshooting Peralatan Elektronik	EE-021-2:2012	2
			9	Troubleshooting, Pembaikpulihan & Penyelenggaraan Peralatan Elektronik	EE-021-3:2012	3
			10	Operasi Pemesinan	MC-050-3:2015	3
			11	Perkhidmatan Kejuruteraan Automasi Industri	MC-091-2:2016	2

BIL. PB	PUSAT BERTAULIAH (PB)	KOD PB	BIL. PROGRAM	NAMA PROGRAM	KOD PROGRAM	TAHAP
			12	Pemasangan Sistem Kejuruteraan Automasi Industri	MC-091-3:2016	3
12	PUSAT LATIHAN TEKNOLOGI TINGGI (ADTEC) MELAKA	K01103	1	Pentadbiran Sistem Komputer	IT-020-4:2013	4
			2	Pengurusan Infrastruktur Penghantaran	EE-321-4:2012	4
			3	Sokongan Sistem Kejuruteraan Automasi Industri	MC-091-4:2016	4
13	PUSAT LATIHAN TEKNOLOGI TINGGI (ADTEC) KEMAMAN	K01105	1	Pengurusan Teknologi Kimpalan	MC-024-4:2012	4
14	INSTITUT KEMAHIRAN TINGGI BELIA NEGARA DUSUN TUA	K03001	1	Penyeliaan Pemasangan & Penyelenggaraan HVAC	ME-020-3:2012	3
			2	Peralatan Penyamanan Udara HVAC -Satu Fasa (Pemasangan, Servis, Troubleshooting & Pembaikpulihan)	ME-020-2:2012	2
15	INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA PERETAK	K03002	1	Pembuatan Pakaian Wanita	TA-011-1:2012	1
16	INSTITUT KEMAHIRAN BELIA	K03007	1	Pemasangan & Troubleshooting Peralatan Elektronik	EE-021-2:2012	2

BIL. PB	PUSAT BERTAULIAH (PB)	KOD PB	BIL. PROGRAM	NAMA PROGRAM	KOD PROGRAM	TAHAP
	NEGARA SERI ISKANDAR		2	Troubleshooting, Pembaikpulihan & Penyelenggaraan Peralatan Elektronik	EE-021-3:2012	3
			3	Artis Multimedia – Pengarangan	IT-070-2	2
			4	Perkhidmatan Rangkaian Komputer	IT-030-3:2013	3
			5	Pemasangan & Penyelenggaraan Elektrik-Satu Fasa	EE-320-2:2012	2
17	INSTITUT KEMAHIRAN TINGGI BELIA NEGARA ALOR GAJAH	K03009	1	Perkhidmatan Penyediaan dan Pembuatan Makanan	HT-012-4:2011	4
18	INSTITUT KEMAHIRAN TINGGI BELIA NEGARA BACHOK	K03011	1	Operasi Servis Makanan dan Minuman	HT-010-2:2012	2
			2	Operasi Servis Makanan dan Minuman	HT-010-3:2012	3
			3	Penyediaan & Pembuatan Makanan	HT-012-3:2012	3
19	INSTITUT KEMAHIRAN	K03014	1	Pemasangan & Troubleshooting Peralatan Elektronik	EE-021-2:2012	2

BIL. PB	PUSAT BERTAULIAH (PB)	KOD PB	BIL. PROGRAM	NAMA PROGRAM	KOD PROGRAM	TAHAP
	TINGGI BELIA NEGARA BUKIT MERTAJAM		2	Troubleshooting, Pembaikpulihan & Penyelenggaraan Peralatan Elektronik	EE-021-3:2012	3
			3	Pembangunan Produk Elektronik	EE-021-4:2012	4
			4	Perkhidmatan Kejuruteraan Automasi Industri	MC-091-2:2016	2
			5	Pemasangan Sistem Kejuruteraan Automasi Industri	MC-091-3:2016	3
			6	Sokongan Sistem Kejuruteraan Automasi Industri	MC-091-4:2016	4
20	INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA KUALA PERLIS	K03015	1	Penyelenggaraan Marin Mekanikal	TP-021-3:2013	3
			2	Pemasangan, Perubahan dan Penanggalan Perancah Pertengahan	BC-061-2:2015	2
21	INSTITUT KEMAHIRAN TINGGI BELIA NEGARA TEMERLOH	K03016	1	Juruteknik Sukan Bermotor (4 Roda)	TP-301-3	3
			2	Automotif-Servis Selepas Jualan	TP-300-2:2013	2
22	INSTITUT KEMAHIRAN BELIA	K03017	1	Hiasan Dalaman	ID-032-3:2015	3
			2	Eksekutif Projek Siling & Drywall	DWC4	4

BIL. PB	PUSAT BERTAULIAH (PB)	KOD PB	BIL. PROGRAM	NAMA PROGRAM	KOD PROGRAM	TAHAP
	NEGARA KUALA LANGAT					
23	INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA PEKAN	K03021	1	Pembaikan Struktur Pesawat-Kepingan Logam	TP-073-3:2012	3
24	MADA RICE TRAINING CENTER ALOR SETAR	K06030	1	Penyeliaan Operasi Pengeluaran Padi	AF-051-3:2015	3
25	KOLEJ KEDA (LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH)	K09005	1	Peralatan Penyamanan Udara HVAC -Satu Fasa (Pemasangan, Servis, Troubleshooting & Pembaikpulihan)	ME-020-2:2012	2
			2	Pemasangan & Penyelenggaraan Elektrik-Satu Fasa	EE-320-2:2012	2
			3	Penyeliaan Pemasangan & Penyelenggaraan HVAC	ME-020-3:2012	3
			4	Proses Kimpalan Arka Kepingan Logam	MC-024-3:2012	3
			5	Servis & Penyelenggaraan Motosikal	TP-118-3:2012	3
			6	Pembuat Pakaian Lelaki	TA-010-1	1
			7	Pembuat Pakaian Lelaki Kanan	TA-010-2	2

BIL. PB	PUSAT BERTAULIAH (PB)	KOD PB	BIL. PROGRAM	NAMA PROGRAM	KOD PROGRAM	TAHAP
			8	Penyediaan & Pembuatan Makanan	HT-012-2:2012	2
			9	Penyediaan & Pembuatan Makanan	HT-012-3:2012	3
			10	Pembuatan Pakaian Wanita	TA-011-1:2012	1
			11	Pembuatan Pakaian Wanita	TA-011-2:2012	2
			12	Pembuatan Pakaian Wanita	TA-011-3:2012	3
			13	Automotif-Servis Selepas Jualan	TP-300-2:2013	2
			14	Proses Kimpalan Arka Gas Tungsten	MC-026-3:2012	3
26	INSTITUT KEMAHIRAN TINGGI PERDA (PERDA-TECH)	K09007	1	Pentadbiran Sistem Komputer	IT-020-4:2013	4
			2	Pengurusan Teknologi Kimpalan	MC-024-4:2012	4
			3	Pemasangan & Penyelenggaraan Elektrik-Tiga Fasa	EE-320-3:2012	3
			4	Proses Kimpalan Arka Kepingan Logam	MC-024-3:2012	3
			5	Automotif-Servis Selepas Jualan	TP-300-2:2013	2
			6	Pemasangan & Penyelenggaraan Elektrik-Satu Fasa	EE-320-2:2012	2
			7	Automotif-Servis Selepas Jualan	TP-300-3:2013	3
27		K14011	1	Operasi Pemesinan	MC-050-2:2012	2

BIL. PB	PUSAT BERTAULIAH (PB)	KOD PB	BIL. PROGRAM	NAMA PROGRAM	KOD PROGRAM	TAHAP
	PUSAT PEMBANGUNAN KEMAHIRAN PULAU PINANG (PSDC)		2	Koordinasi Pembuatan (CAD/CAM)	MC-050-4:2012	4
			3	Operasi Pemesinan	MC-050-3:2015	3
			4	Kawalan Kualiti Industri	MC-041-2:2012	2
			5	Jaminan Kualiti Industri (Pembuatan)	MC-041-3:2012	3
			6	Perkhidmatan Kejuruteraan Automasi Industri	MC-091-2:2016	2
			7	Pemasangan Sistem Kejuruteraan Automasi Industri	MC-091-3:2016	3
			28	PUSAT PEMBANGUNAN KEMAHIRAN SARAWAK	K14017	1
2	Pentadbiran Sistem Maklumat	FB-081-4:2012				4
3	Pemasangan & Penyelenggaraan Elektrik-Satu Fasa	EE-320-2:2012				2
4	Peralatan Penyamanan Udara HVAC -Satu Fasa (Pemasangan, Servis, Troubleshooting & Pembaikpulihan)	ME-020-2:2012				2
5	Penyeliaan Pemasangan & Penyelenggaraan HVAC	ME-020-3:2012				3
6	Pentadbiran Sistem Komputer	IT-020-4:2013				4
7	Pengurusan Operasi Percetakan	PR-020-4:2014				4

BIL. PB	PUSAT BERTAULIAH (PB)	KOD PB	BIL. PROGRAM	NAMA PROGRAM	KOD PROGRAM	TAHAP
			8	Penyelidikan Pengurusan Pejabat	FB-024-3:2012	3
			9	Operasi Latihan Vokasional	I-031-3:2014	3
29	KOLEJ YAYASAN PAHANG ADVANCED SKILLS	K14018	1	Perkhidmatan Masyarakat Orang Asli	ET-016-2:2013	2
			2	Pemasangan & Penyelenggaraan Elektrik-Satu Fasa	EE-320-2:2012	2
			3	Pembuatan Pakaian Wanita	TA-011-2:2012	2
			4	Pembuatan Pakaian Wanita	TA-011-3:2012	3
			5	Penyediaan & Pembuatan Makanan	HT-012-3:2012	3
			6	Perkhidmatan Penyediaan dan Pembuatan Makanan	HT-012-4:2011	4
			7	Pembuatan Roti	HT-013-3:2011	3
			8	Pemasangan & Penyelenggaraan Elektrik-Satu Fasa	EE-320-2:2012	2
			9	Pemasangan & Penyelenggaraan Elektrik-Tiga Fasa	EE-320-3:2012	3
30	INSTITUT TEKNOLOGI YAYASAN NEGERI SEMBILAN	K14030	1	Pemasangan & Penyelenggaraan Elektrik-Tiga Fasa	EE-320-3:2012	3
			2	Eksekutif Automotif - Servis Selepas Jualan	TP-300-4	4
			3	Automotif-Servis Selepas Jualan	TP-300-2:2013	2

BIL. PB	PUSAT BERTAULIAH (PB)	KOD PB	BIL. PROGRAM	NAMA PROGRAM	KOD PROGRAM	TAHAP
			4	Automotif-Servis Selepas Jualan	TP-300-3:2013	3
31	PUSAT LATIHAN INDUSTRI PERKAYUAN TERENGGANU	K14038	1	Pelukis Rekaan Dalaman Rendah	ID-040-1	1
			2	Pelukis Rekaan Dalaman	ID-040-2	2
			3	Operasi Pembuatan Perabot	RB-050-3:2012	3
			4	Operasi Pengeluaran Perabot	RB-053-4:2014	4

Sumber:

Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia

LAMPIRAN 2

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN
DIPLOMA & IJAZAH PERTAMA
SESI 2022**

KLUSTER	BIDANG/ PENGKHUSUSAN/ KURSUS	
<i>Agriculture and Veterinary</i>	1	Botani
	2	Pengurusan Perladangan
	3	Perhutanan
	4	Perikanan
	5	Pertanian
<i>Arts and Humanities</i>	1	Animasi
	2	Bahasa
	3	Grafik dan Multimedia
	4	Kaji Purba
	5	Kebudayaan dan Kesenian Melayu
<i>Education</i>	1	Pendidikan
<i>Engineering, Manufacturing and Construction</i>	1	Geomatik
	2	Alam Sekitar
	3	Automotif
	4	Awam
	5	Bahan
	6	Biokimia
	7	Elektrik
	8	Elektronik
	9	Kimia
	10	Komputer
	11	Marin
	12	Maritim/Laut
	13	Mekanik
	14	Mekatronik

KLUSTER	BIDANG/ PENGKhususan/ KURSUS	
<i>Engineering, Manufacturing and Construction</i>	15	Pembuatan
	16	Perairan dan Seni Bina Laut
	17	Pengajian Nautikal
	18	Pengurusan Maritim
	19	Pertanian
	20	Remote Sensing
	21	Seni Bina Landskap (Kepujian)
	22	Seni Bina (<i>Architecture</i>)
	23	Teknologi Kejuruteraan Awam
	24	Teknologi Kejuruteraan Elektronik
	25	Teknologi Kejuruteraan Kimia
	26	Teknologi Kejuruteraan Komputer (Sistem Komputer)
	27	Teknologi Kejuruteraan Mekanikal
	28	Teknologi Kreatif
	29	Teknologi Makanan
	30	Teknologi Maklumat
	31	Teknologi Marin
	32	Teknologi Maritim
33	Teknologi Perkayuan	
34	Ukur Bahan	
35	Ukur Bangunan	
36	Ukur Tanah	
<i>Health and Welfare</i>	1	Dietetik
	2	Fisioterapi
	3	Kejururawatan
	4	Nutrisi
	5	Optometri
	6	Pemulihan Carakerja

KLUSTER	BIDANG/ PENGKHUSUSAN/ KURSUS	
<i>Science, Mathematics and Computing</i>	1	Astronomi – Sains
	2	Audiologi
	3	Ekologi
	4	Forensik Sains
	5	Geologi
	6	Geosains
	7	Meteorologi
	8	Oseanografi
	9	Pengimejan Diagnostik dan Radioterapi
	10	Pengimejan Perubatan
	11	Radiografi
	12	Sains (Geoinformatik)
	13	Sains Aktuari
	14	Sains Bioindustri
	15	Sains Biologi
	16	Sains Fizik
	17	Sains Kimia
	18	Sains Kognitif
	19	Sains Komputer
	20	Sains Laut
	21	Sains Maklumat
	22	Sains Matematik
	23	Sains Pemakanan
	24	Sains Persekitaran
	25	Sains Samudera
	26	Sistem Maklumat
	27	Statistik
	28	Telekomunikasi
	29	Zoologi

KLUSTER	BIDANG/ PENGKHUSUSAN/ KURSUS	
<i>Services</i>	1	Bidang Keselamatan/ Pertahanan Awam
	2	Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
	3	Pelancongan
	4	Pembangunan Belia dan Komuniti
	5	Pengurusan Hospital
	6	Pengurusan Hotel dan Katering
	7	Pengurusan Kualiti Makanan
	8	Pengurusan Pembangunan Masyarakat
	9	Pengurusan Perkhidmatan Makanan
	10	Seni Kulinari
<i>Social Science, Business and Law</i>	1	Antropologi
	2	Arkib
	3	Bioteknologi
	4	Ekonomi
	5	Ekonomi Rumahtangga
	6	Fotografi
	7	Geografi
	8	Insurans
	9	Kaunseling
	10	Keusahawanan
	11	Kewangan
	12	Kewartawanan
	13	Komunikasi
	14	Komunikasi Massa
	15	Pemasaran
	16	Pembangunan Sumber Manusia
	17	Penerbitan/ Percetakan
	18	Pengajian Media
	19	Pengajian Perniagaan
	20	Pengurusan Acara

KLUSTER	BIDANG/ PENGKHUSUSAN/ KURSUS	
<i>Social Science, Business and Law</i>	21	Pengurusan dan Teknologi Pejabat
	22	Pengurusan Harta Tanah
	23	Pengurusan Sukan dan Rekreasi
	24	Pentadbiran Awam
	25	Penyiaran
	26	Perakaunan
	27	Perancangan Bandar dan Wilayah
	28	Perbankan
	29	Percukaian
	30	Perdagangan
	31	Perhubungan Antarabangsa
	32	Peruncitan
	33	Psikologi
	34	Sains Kemasyarakatan
	35	Sains Kesetiausahaan
	36	Sains Pengurusan Rekod
	37	Sains Perpustakaan
	38	Sains Politik
	39	Sains Sukan
	40	Sosiologi
	41	<i>Teaching English As A Second Language (TESL)</i>

Sumber: Bahagian Perkhidmatan JPA

JENIS-JENIS PENYAKIT KRONIK

- (i) Kanser;
- (ii) Serangan jantung;
- (iii) Pulmonary Hypertension;
- (iv) Sakit buah pinggang yang kronik;
- (v) Sakit hati (*liver*) yang kronik;
- (vi) Fullminant Viral Hepatitis;
- (vii) Kecederaan di kepala disebabkan kemalangan;
- (viii) Tumor dan kecacatan pembuluh darah di otak;
- (ix) Melepuh dan melecur kerana kebakaran;
- (x) Pemindahan organ utama;
- (xi) Penyakit Parkinson;
- (xii) Penyakit HIV dan Aids;
- (xiii) Pemindahan kaki dan/atau tangan;
- (xiv) Skizofernia; dan
- (xv) Lain-lain penyakit yang disahkan sebagai penyakit kronik dan tidak sihat untuk meneruskan pengajian oleh pakar perubatan Kerajaan dan/atau pakar perubatan yang diperakukan oleh penaja.

**SENARAI UNIVERSITI TEMPATAN
SESI 2022****(DIPLOMA DAN IJAZAH PERTAMA)**

BIL.	UNIVERSITI
1	Universiti Malaya (UM)
2	Universiti Sains Malaysia (USM)
3	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
4	Universiti Putra Malaysia (UPM)
5	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
6	Universiti Teknologi MARA (UiTM)
7	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
8	Universiti Malaysia Sabah (UMS)
9	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
10	Universiti Utara Malaysia (UUM)
11	Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI)
12	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
13	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
14	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
15	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
16	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
17	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
18	Universiti Teknikal Melaka (UTeM)
19	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
20	Universiti Malaysia Pahang (UMP)
21	Akademi Seni, Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) (<i>Sepenuh Masa sahaja</i>)

**SENARAI POLITEKNIK
SESI 2022**

(DIPLOMA DAN IJAZAH PERTAMA)

BIL.	POLITEKNIK
1	Politeknik Ungku Omar (PUO)
2	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS)
3	Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS)
4	Politeknik Kota Bharu (PKB)
5	Politeknik Kuching Sarawak (PKS)
6	Politeknik Port Dickson (PPD)
7	Politeknik Kota Kinabalu (PKK)
8	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA)
9	Politeknik Ibrahim Sultan (PIS)
10	Politeknik Seberang Perai (PSP)
11	Politeknik Melaka (PMK)
12	Politeknik Kuala Terengganu (PKT)
13	Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA)
14	Politeknik Merlimau (PMM)
15	Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS)
16	Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB)
17	Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS)
18	Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS)
19	Politeknik Muadzam Shah (PMS)
20	Politeknik Mukah Sarawak (PMU)
21	Politeknik Balik Pulau (PBU)
22	Politeknik Jeli (PJK)
23	Politeknik Nilai (PNS)
24	Politeknik Banting (PBS)
25	Politeknik Mersing (PMJ)
26	Politeknik Hulu Terengganu (PHT)
27	Politeknik Sandakan (PSS)
28	Politeknik METrO Kuala Lumpur (PMKL)
29	Politeknik METrO Kuantan (PMKU)
30	Politeknik METrO Johor Bahru (PMJB)
31	Politeknik METrO Betong (PMBS)
32	Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG)

BIL.	POLITEKNIK
33	Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail (PTSN)
34	Politeknik Besut (PBT)
35	Politeknik Bagan Datuk (PBD)
36	Politeknik Tawau (PTS)

Sumber: Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi

TATACARA PERMOHONAN PROGRAM PENAJAAN KUMPULAN PELAKSANA (PPKP)

1. Pemohon mendapatkan surat tawaran dari pusat pengajian yang dipilih.
2. Pemohon mengisi dan mencetak permohonan online di <https://esilav2.jpa.gov.my>.
3. Lampirkan permohonan dengan dokumen-dokumen berikut :

DOKUMEN WAJIB BAGI SEMUA PERINGKAT PENGAJIAN

- | | |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Surat tawaran dari pusat pengajian. • Senarai penuh mata pelajaran yang bakal diambil. • Kalendar akademik pengajian. • Surat lantikan ke Perkhidmatan Awam (Persekutuan). • Salinan Buku Perkhidmatan | <ul style="list-style-type: none"> • Borang pengesahan berpindah dan kebenaran membawa keluarga. • Salinan Sijil Perkahwinan dan Sijil Kelahiran anak-anak. • Borang Pengakuan Kesihatan JPA atau borang pemeriksaan kesihatan pusat pengajian disahkan oleh Pegawai Perubatan yang bertauliah |
|--|---|

Sijil Kemahiran Malaysia

- Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Vokasional Malaysia (SVM).
- Borang Pengesahan Maklumat Pengajian

Diploma Kemahiran Malaysia

- Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Vokasional Malaysia (SVM).
- Salinan Sijil Kemahiran Malaysia dalam bidang yang sama.
- Borang Pengesahan Maklumat Pengajian.

Diploma

- Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
- Slip pengiktirafan MQA

Ijazah

- Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Vokasional Malaysia (SVM).
- Slip pengiktirafan MQA

Nota:

- ✓ Semua dokumen perlu disahkan oleh pegawai yang berkeelayakan.
- ✓ Dokumen-dokumen seperti di atas HENDAKLAH disediakan dalam **DUA (2) SET DOKUMEN.**
- ✓ Permohonan yang tidak lengkap / tidak memenuhi syarat tidak akan diproses untuk pertimbangan

4. Mendapatkan perakuan Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan (Jika berkaitan)
5. Ketua Jabatan/ Perkhidmatan menghantar dokumen permohonan ke BM JPA.
6. Permohonan **LENGKAP** akan diproses **dalam tempoh 1 bulan** dari tarikh penerimaan di BMI JPA.